



# 1<sup>st</sup> INTERNATIONAL EDUCATION postgraduate seminar


Innovation, issues and challenges for educational sustainability

**23<sup>rd</sup>-24<sup>th</sup>**  
NOVEMBER 2014

KSL RESORT, JOHOR BAHRU

## SUPERVISOR'S CHECKLIST AND APPROVAL

- Research Paper  
 Concept Paper

Paper Title	Teknik Pembelajaran al-Qur'an di Era Digital					
Student	Noor Azaref bin Naim					
Email	azaref82@gmail.com					
Phone No	019-3715640			Student ID No	PP133080	
PROGRAMME Please circle the relevant response.	MPA	MPE	MPF	MPK	MPM	MPO
	MPP	MPV	MPZ	PPA	PPB	PPC
	PPD	PPE	PPF	PPG	PPK	PPM
	<b>PPP</b>	PPU	PPV	PPZ	Other (please specify)	
Supervisor	<b>DR. JAMALLUDIN HJ. HARUN</b> Associate Professor					
Email	Dept. of Edu. Sc. Maths & Creative Multimedia					
Signature				Phone number	019-7559408	
DEPARTMENT/FACULTY	<b>JTSMMK</b>		JPTK	JAPSS	LANGUAGE ACADEMY	
Please circle the relevant response.						
This paper should be ACCEPTED for publication because it meets the criteria that follows [Please tick (✓)]				YES	NO	COMMENTS
1.	The paper is related to the student's PhD/MEd research. [Compulsory]			✓		
2.	The topic is important and relevant for publication.			✓		
3.	The work presented is original.			✓		
4.	Sufficient references have been included in the paper.			✓		
5.	The paper is written using appropriate language and styles.			✓		
6.	The title of the paper is appropriate.			✓		
7.	The order of presentation is satisfactory.			✓		
8.	The introduction is adequately developed.			✓		
9.	The problem is clearly stated.			✓		
10.	The adopted methodology is sound.				—	NA
11.	The findings are correctly interpreted. [Not applicable for concept paper]				—	NA
12.	The paper is free from obvious errors.			✓		
13.	The quality of figures and illustrations (if any) is acceptable.				—	NA
14.	The paper does not dwell on any sensitive issues.			✓		



# TEKNIK PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QUR'AN DI ERA ICT

Noor Azaref Naim  
Jamalludin Harun

## PENGENALAN

Al-Qur'an merupakan kitab terulung yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w.; dalam bahasa Arab; melalui perantaraan malaikat Jibril; sebagai petunjuk dan panduan kepada seluruh umat Islam. Ia sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*Dan sesungguhnya al-Qur'an (yang di antara isinya kisah-kisah yang tersebut) adalah diturunkan oleh Allah Tuhan sekalian alam. Ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang amanah – ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia). (Ia diturunkan) dengan bahasa Arab yang fasih serta terang nyata.*

(Surah asy-Syu'araa', 26: 192-195)

Menurut al-Qattan (1999), al-Qur'an menurut pendefinisian para ulama' ialah kalam atau firman Allah s.w.t. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan membacanya merupakan suatu ibadah.

Berdasarkan pendefinisian al-Qur'an menurut para ulama', jelas menunjukkan bahawa amalan membaca al-Qur'an itu merupakan suatu ibadah yang menjanjikan ganjaran pahala dan menatijahkan kebaikan, serta akan menjadi *syafa'at* (pertolongan) pada hari kiamat kelak. Sebagaimana hadis dari Abu Umamah r.a. katanya: "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda" yang bermaksud:

*Bacalah olehmu semua akan al-Qur'an itu, sebab al-Qur'an itu akan datang pada hari kiamat sebagai sesuatu yang dapat memberikan syafa'at kepada orang-orang yang memilikinya (mengamalkannya).*

(Hadis riwayat Muslim)

Untuk memastikan al-Qur'an itu dapat dibaca dan dihayati di dalam kehidupan seharian, umat Islam disarankan untuk mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya kepada orang lain apabila mereka telah mampu untuk menguasainya. Tuntutan ini selari dengan hadis dari 'Uthman bin 'Affan r.a. katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda" yang bermaksud:

*Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya.*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Jelas menunjukkan, bahawa tuntutan mempelajari al-Qur'an itu adalah suatu gesaan yang menjadi kewajipan ke atas seluruh umat Islam untuk melaksanakannya, agar al-Qur'an itu dapat dibaca dan dihayati serta menjadi ibadah di dalam kehidupan seharian; yang menjanjikan ganjaran pahala daripada Allah s.w.t. dan menjadi *syafa'at* pada hari kiamat kelak.

## **KAEDAH PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QUR'AN: KAEDAH TALAQQI DAN MUSYAFahah**

Untuk memenuhi tuntutan mempelajari al-Qur'an, umat Islam perlu mengikuti proses pembelajaran yang disampaikan

melalui kaedah-kaedah berkesan di dalam pembelajaran tilawah al-Qur'an. Antara kaedah pembelajaran yang berkesan menurut persepsi guru Pendidikan Islam/ al-Qur'an adalah *talaqqi* dan *musyafahah* (pembelajaran bersemuka daripada mulut guru ke mulut murid), *tasmi'* (guru mendengar dan memeriksa bacaan murid), *tikrar* (murid membaca berulang kali sehingga betul dan lancar) dan sebagainya lagi (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2013).

Menurut Ab. Halim *et al.* (2013), kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* merupakan kaedah yang paling utama di dalam pembelajaran tilawah al-Qur'an dan pengabaianya oleh guru menjadi punca masalah kelemahan penguasaan di dalam pembacaan al-Qur'an yang baik dan betul dalam kalangan murid dan masyarakat awam terus berlanjutan tanpa ada jalan penyelesaiannya.

*Talaqqi* mengikut istilah bermaksud *manhaj* atau metodologi penyampaian dan penerimaan al-Qur'an yang dilakukan secara pertemuan antara murid dengan guru. Manakala *musyafahah* mengikut istilah pula bermaksud *manhaj* atau metodologi penyampaian dan penerimaan al-Quran yang dilakukan secara bacaan antara murid dengan guru (Majidi, 2000).

Kaedah ini adalah bertepatan dengan peristiwa Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu pertama di Gua Hira', dimana Baginda menerima al-Qur'an daripada malaikat Jibril secara bertalaqqi dan musyafahah; iaitu Nabi Muhammad s.a.w. mendengar bacaan malaikat Jibril terlebih dahulu, kemudian Baginda mengikut atau mengulangi bacaan tersebut dengan didengari oleh malaikat Jibril (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Menurut Ab. Halim *et al.* (2012), ia merupakan kaedah yang mengaplikasikan pendekatan pembelajaran berpusatkan murid dan memberikan penekanan kepada murid dengan aspek kemahiran mendengar dan menyebut semula dengan baik dan lancar juga aspek bimbingan guru (*teacher scaffolding*) di dalam memperbetulkan kesalahan sebutan atau bacaan murid (Ab. Halim *et al.*, 2013).

Antara kelebihan kaedah ini ialah ia membolehkan murid mengikut bacaan guru dengan *makhraj* (tempat keluar huruf) yang betul (Sharifah Norshah, Nor Salimah & Zulkifli, 2011); iaitu merupakan salah satu aspek penting dalam ilmu tajwid dan menguasainya dianggap seperti menguasai tiga perempat daripada cabang ilmu tajwid (Adel, Ahmad Kamal & Mohamad Mustaqim, 2006).

### **TEKNIK PEMBELAJARAN DI DALAM PELAKSANAAN KAEDAH *TALAQQI* DAN *MUSYAFahah***

Menurut Suhadi (2012), Izuli & Abd. Rahman (2011), Zaidi *et al.* (2008) dan Mohd Isa (2007), pembelajaran secara berguru atau bersemuka atau secara langsung (*face to face learning*) antara murid dengan seorang guru yang berkemahiran; yang menekankan peranan dan bimbingan guru di dalam memberikan contoh sebutan atau bacaan yang baik dan betul kepada murid serta mendengar dan memperbetulkannya merupakan teknik pembelajaran yang diaplikasikan di dalam pelaksanaan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*.

Kamarul Azmi & Ab. Halim (2013), mengatakan bahawa teknik di dalam kaedah ini dilaksanakan dengan cara murid mendengar dan melihat pergerakan mulut guru dengan teliti dan menyebut samada dengan cara mengikut atau mengulangi sebutan guru. Ia menekankan teknik membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul (*al-tariqah bi al-sautiyah*).

Di dalam melaksanakan kaedah ini, guru memainkan peranan yang amat penting; bukan sahaja bertanggungjawab untuk membimbing dan menyampaikan ilmu semata-mata, malah untuk membentuk pelajar bersedia menghadapi kehidupan yang seterusnya (Kamarul Azmi & Mohd Aderi, 2013).

## **TEKNIK PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QUR'AN DI ERA ICT**

Pengimplimentasian kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di dalam teknik pembelajaran Sains, Matematik, Pendidikan Teknik dan Vokasional dan sebagainya bukanlah suatu perkara yang baharu. Namun, di dalam pembelajaran tilawah al-Qur'an, amalan pengajaran berasaskan kemudahan ICT dalam kalangan guru masih berada pada tahap yang sederhana (Mohd Aderi & Rohani, 2009). Sedangkan ia juga sebenarnya mempunyai potensi yang besar di dalam memvariasikan teknik yang dapat membantu murid meningkatkan kemahiran pembacaan al-Qur'an yang baik dan betul. Secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan keupayaan dan kredibiliti seorang guru al-Qur'an (Adel, Ahmad Kamal & Mohamad Mustaqim, 2006). Ia juga merupakan suatu konsep kesepaduan antara teknologi dan Kurikulum Pendidikan Islam yang harus dihayati oleh semua guru Pendidikan Islam/ al-Qur'an (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2013).

Justeru, perubahan bentuk amalan pengajaran guru di dalam pembelajaran tilawah al-Qur'an; yang mengaplikasikan teknik-teknik berasaskan kemudahan ICT adalah sangat-sangat diharapkan. Ianya juga sebagai memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menekankan aspek transformasi ICT di dalam pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Sebagaimana menurut Mustaffa (2009), kepesatan dan kecanggihan ICT telah membuka dimensi dan peluang baru dalam perkembangan bidang pembelajaran al-Qur'an di seluruh dunia, sehingga negara dan masyarakat dunia semakin bergantung kepada kemudahan tersebut, khususnya sebagai agen pemudahcara di dalam pencarian sumber yang berkaitan dengan bidang pembelajaran al-Qur'an itu sendiri. Sumber-sumber tersebut boleh diakses sebagai contohnya melalui pelbagai laman web yang menyediakan bahan-bahan berbentuk PDF, audio visual, interaktif

langsung dan sebagainya lagi.

Perkembangan tersebut juga sepertimana apa yang dapat kita lihat pada hari ini, dimana al-Qur'an itu boleh dipelajari menerusi banyak pilihan persekitaran pembelajaran seperti al-Qur'an digital dan elektronik, 'compact disc' (CD) yang tersedia dengan pelbagai perisian komputer berkaitan dengan pembelajaran tilawah al-Qur'an dengan pilihan menu dan kandungan berinteraktif (Izuli & Abd. Rahman, 2011), melalui aplikasi-aplikasi di telefon pintar dan tablet, persidangan video dan sebagainya lagi.

Ia adalah selari dengan implikasi kajian yang mendapati bahawa setiap strategi dan kaedah dalam pembelajaran perlu sentiasa diperbaharui dan dikembangkan sesuai dengan keadaan dan perkembangan semasa, termasuklah perkembangan dan kemajuan kepada pembaharuan strategi dan teknik penyampaian dalam bilik kuliah. Untuk itu satu anjakan (engsaan) paradigma kepada melahirkan satu model pembelajaran tilawah al-Quran yang lebih bersesuaian dengan kehendak semasa perlu dicipta (Maimun Aqsha & Ismail Suardi, 2007).

Tidak dapat dinafikan adanya beberapa kajian yang telah dijalankan; berkaitan dengan pembangunan persekitaran yang mengambilkira kemudahan ICT sebagai suatu teknik yang lebih bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa. Antaranya adalah kajian berkaitan dengan pengimplimentasian pembelajaran mudah alih (*mobile learning*), perisian kursus multimedia dan penggunaan laman web sebagai teknik di dalam pembelajaran tilawah al-Qur'an.

## **Pembelajaran Mudah Alih**

Mengikut Khan & Alginahi (2013), aktiviti seharian kita pada hari ini telah berubah daripada pergantungan pendekatan tradisional kepada persekitaran pintar. Demikian juga, pada hari ini berjuta-juta orang Islam membaca buku-buku agama termasuklah membaca dan mempelajari al-Qur'an melalui peranti elektronik atau pintar berbanding melalui buku atau al-Qur'an bercetak.



Sejajar dengan perkembangan ini, tercipta teknik melalui pembelajaran mudah alih yang mempunyai potensi yang besar untuk diadaptasikan di dalam pembelajaran. Ini adalah sebagaimana menurut Noor Jamaliah *et al.* (2013), yang menyatakan bahawa ia merupakan suatu teknik yang mempunyai potensi yang besar dan sangat menuntut; yang boleh diaplikasikan di dalam persekitaran pembelajaran jarak jauh (*distance learning*). Ia dipercayai dapat menyelesaikan masalah di dalam pelaksanaan Program j-QAF (Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu 'Ain) di sekolah rendah terutamanya di dalam pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan tilawah al-Qur'an; iaitu di dalam menarik minat generasi muda yang pada hari ini lebih memerlukan pendekatan teknologi moden; yang dapat mengoptimumkan masa belajar dan meningkatkan proses pembelajaran.

### **Perisian Kursus Multimedia**

Wan Malini *et al.* (2010), di dalam kajiannya menyatakan bahawa teknik melalui perisian kursus multimedia dapat menjadikan pembelajaran tilawah al-Qur'an itu lebih efektif dan menarik kerana ia mengintegrasikan elemen-elemen multimedia seperti grafik, audio dan video. Namun, pembangunannya harus mengambilkira isu-isu yang timbul seperti isu kebosanan dan kurang tumpuan di dalam pembelajaran yang berasaskan pendekatan berpusatkan guru.

Di dalam teknik ini, Norasikin *et al.* (2005), telah membangunkan "Perisian Multimedia Tajwid" di dalam pembelajaran tilawah al-Quran dengan mengintegrasikan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Ia merupakan satu persekitaran pembelajaran yang menarik dan canggih; yang menggabungkan elemen-elemen multimedia seperti teks, grafik, animasi, video dan audio serta mempunyai elemen interaktiviti dan navigasi. Hasil pengujian telah menunjukkan pembelajaran tajwid menjadi lebih menarik dan dapat meningkatkan kemahiran pergerakan bibir di dalam bacaan al-Qur'an yang baik dan betul serta bersesuaian dengan murid yang mempunyai pengetahuan asas tentang ilmu

tajwid.

## Laman Web

Penggunaan internet dan laman web di dalam teknik pembelajaran Pendidikan Islam dan tilawah al-Qur'an merupakan suatu langkah yang mesti dilaksanakan dan dimanfaatkan secara maksimum demi mempertingkatkan keberkesanan pengajaran. Justeru, guru-guru harus bersedia untuk mengambil peluang ini dengan menambah ilmu, kemahiran dan kepakaran masing-masing agar pengimplimentasiannya dapat menjadikan Pendidikan Islam dan tilawah al-Qur'an itu sebagai suatu pembelajaran yang menarik dan diminati oleh murid (Norliza, Mohamad Sattar & Roseannah, 2013).

Terdapat banyak laman web yang diwujudkan untuk tujuan pembelajaran tilawah al-Qur'an. Menurut Mustaffa (2009), antara laman web yang menawarkan kemudahan tersebut ialah <http://www.quransite.com/tajweed/tajweed.htm>. Ia menawarkan kemudahan pembelajaran ilmu tajwid dengan menyediakan maklumat berkaitan dengan hukum-hukum tajwid samada yang berkaitan tentang hukum umum, hukum bacaan *isti'adzah* dan *basmalah*, hukum kesalahan-kesalahan pada huruf dan lafaz, hukum *nun sakinah*, hukum *mim sakinah* dan sebagainya dan boleh didapati dengan mudah dan percuma iaitu dengan hanya mengklik kepada pautan-pautan yang telah disediakan.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara ringkasnya, bidang pembelajaran tilawah al-Qur'an itu bergerak seiring dengan bidang-bidang pembelajaran yang lain di dalam memanfaatkan kemudahan ICT menerusi teknik yang menyokong kepada kaedah yang dilaksanakan. Namun demikian, ia memerlukan pertimbangan yang sewajarnya dengan tidak mengabaikan teknik di dalam pelaksanaan kaedah *talaqqi* dan

*musyafahah* yang merupakan kaedah yang paling utama di dalam pembelajaran tilawah al-Qur'an; agar matlamat untuk melahirkan murid dan masyarakat awam yang dapat membaca al-Qur'an dengan baik dan betul dapat direalisasikan.

Ini adalah kerana walaupun kemudahan ICT itu dilihat sebagai suatu elemen interaktif yang boleh diserapkan menerusi teknik pembelajaran tilawah al-Qur'an, ia tetap menimbulkan kekusaran dan kebimbangan terutamanya terhadap peranan dan bimbingan guru yang sememangnya sangat penting di dalam teknik pelaksanaan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*.

Dimana banyak kajian telah menunjukkan bahawa media-media ICT itu hanyalah satu alat yang dapat membantu guru melaksanakan pengajaran dan ia tidak dapat menggantikan sepenuhnya tugas guru mendidik dan membimbing murid (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2013, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Lebih-lebih lagi di dalam pelaksanaan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*, teknik secara berguru atau bersemuka itu adalah sangat-sangat diperlukan terutamanya di dalam guru memberikan contoh sebutan atau bacaan yang baik dan betul kepada murid dan mendengar serta memperbetulkannya.

Sebagaimana menurut Wan Hazim (2012), melalui teknik secara berguru atau bersemuka, guru dapat menegur secara terus jika terdapat kesalahan di dalam sebutan atau bacaan murid; dan murid dapat memerhati pergerakan mulut guru ketika memperdengarkan contoh sebutan atau bacaan kerana al-Qur'an itu mempunyai keunikan yang tersendiri; yang mana jika kita silap memerhatikan pergerakan mulut guru maka silaplah sebutan atau bacaan kita. Ini adalah berbeza jika kita mempelajari al-Qur'an melalui CD, kaset, buku dan juga media elektronik yang lain; kita tidak dapat mengenalpasti bagaimanakah cara sebutan atau bacaan yang sebenar.

Namun, pengimplimentasian kemudahan ICT menerusi teknik di dalam pelaksanaan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* tetap mempunyai potensi yang besar. Ini adalah kerana sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling

KP.5206/3/60 Jld.3(47) bertarikh 1 Mac 1994 bahawa antara faktor murid-murid sekolah rendah belum lancar membaca al-Qur'an ialah disebabkan oleh kesukaran guru untuk melaksanakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* kerana terdapat murid yang ramai di dalam sesuatu kelas. Walaupun Program j-QAF telah dilaksanakan di sekolah rendah mulai tahun 2005, yang menyediakan guru j-QAF; yang bertindak sebagai guru pembimbing di dalam kelas pemulihan al-Qur'an dan guru Pendidikan Islam yang mengendalikan kelas al-Qur'an bagi murid cemerlang atau sebaliknya, kajian masih menunjukkan bahawa tahap penguasaan dan kemahiran murid sekolah rendah di dalam pembelajaran tilawah al-Quran masih berada pada tahap yang sederhana sahaja (Nurfadilah & Muhammad Mustaqim, 2013).

Di dalam pembelajaran al-Qur'an di era ICT ini, perhatian bukan hanya perlu diberikan terhadap pemilihan kaedah dan teknik semata-mata, juga turut memberikan pertimbangan terhadap pemilihan pendekatan yang bersesuaian. Pendekatan masteri didapati sangat berkesan dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid lemah. Hal ini kerana aktiviti pemulihan dan pengayaan yang diberikan oleh guru dalam pembelajaran masteri memberi keyakinan kepada murid untuk belajar dengan konsisten daripada mudah ke sukar. Pendekatan ini juga telah menyediakan ruang kepada para guru untuk membantu murid yang tidak menguasai isi pelajaran. Perhatian secara individu yang diberikan oleh guru kepada murid yang tidak menguasai isi pelajaran merupakan "*scaffolding*" yang sangat berkesan. Dengan bimbingan dan tunjuk ajar secara peribadi yang diberikan oleh guru memberi ruang kepada murid untuk menguasai apa yang dipelajari secara konsisten (Abdull Sukor & Kalaidevi, 2012).

Untuk melaksanakan "*scaffolding*", teknologi terkini telah memperkenalkan agen pedagogi beranimasi yang mampu berperanan sebagai tutor atau fasilitator di dalam persekitaran pembelajaran berasaskan web dan perisian komputer sebagaimana dapatan oleh Ergül & Koç (2013), yang menyatakan bahawa agen pedagogi beranimasi itu dapat mengambil alih tugas pengajaran

sebagai guru, mentor, jurulatih dan fasilitator dan memberi cadangan untuk mengintegrasikannya di dalam persekitaran pembelajaran berasaskan web dengan mempertimbangkan penekanan terhadap elemen-elemen pedagogi.

Namun, kesesuaiannya di dalam pembangunan persekitaran pembelajaran tilawah al-Qur'an; di dalam matlamat untuk melahirkan murid dan masyarakat awam yang mampu membaca al-Qur'an dengan baik dan betul tidak dapat dipastikan lagi dan perlu kepada kajian lanjut.

Kesimpulannya, pengimplimentasian kemudahan ICT di dalam teknik pembelajaran tilawah al-Qur'an merupakan suatu usaha yang perlu diberikan perhatian yang positif, namun memerlukan kepada satu garis panduan; di dalam pemilihan pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dan merekabentuk serta memaksimumkan peranan dan bimbingan guru di dalam pembangunan persekitaran pembelajaran, agar ia bukan sahaja dapat meningkatkan minat, motivasi dan keseronokan belajar semata-mata, tetapi dapat meningkatkan penguasaan murid dan masyarakat awam di dalam pembacaan al-Qur'an yang baik dan betul.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Asmadi Mustakim & Zetty Nurakmal Azura Rashed. (2012). Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam*, 1, 1-35.
- Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor & Mohd Izzuddin Mohd Pisol. (2013). Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah al-Quran Program j-QAF. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 1-17.
- Abdull Sukor Shaari & Kalaidevi Aplanaidu. (2012). Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Pemulihan Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 94-105.
- Adel M. Abdulaziz, Ahmad Kamal Mohamad & Mohamad Mustaqim Mohd Zarif. (2006). *Panduan dan Bimbingan Guru al-Quran*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Imam al-Bukhari. (2003). *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III, IV*. Terj. H. Zainuddin Hamidy, H. Fachruddin Hs, H. Nasharuddin Thaha, Johar Arifin & A. Rahman Zainuddin. Singapore: Darel Fajr Publishing House.
- Al-Imam Muslim. (2009). *Terjemahan Hadis Shahih Muslim Jilid I, II, III, IV*. Terj. Ma'mur Daud. Singapore: Darel Fajr Publishing House.
- Al-Qattan, Manna'. (1999). *Mabahith fi Ulum al-Qur'an*. Beirut: Al-Resalah Publishers.
- Ergül, E. & Koç, M. (2013). The Role of Animated Agents in Web-based Distance Education. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 83(1301), 1016-1022.

- Izuli Dzulkifli & Abdul Rahman Abdul Ghani. (2011). Keperluan Bertalaqqi dan Bermusyafahah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu al-Qur'an: Satu Tuntutan. Di dlm. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh. (2013). Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran. Di dlm. *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI* (pp. 1-17). Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Modul Pendidikan Islam Pendidikan Rendah: Pedagogi Pendidikan Islam. Cyberjaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, Institut Pendidikan Guru.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). Pengintegrasian Kandungan Bahan-Bahan Berasaskan ICT di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khan, M. K. & Alginahi, Y. M. (2013). The Holy Quran Digitization: Challenges and Concerns. *Life Science Journal*, 10(2), 156-164.
- Maimun Aqsha Lubis & Ismail Suardi Wekke. (2007). Inovasi Teknik Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran dalam Bilik Kuliah. Di dlm. Chen Chwen Jen, Hanafi Atan, Jamalludin Harun, Mohamad Salleh Abu, Baharuddin Aris, Rio Sumarni Sharifuddin, ... Mohamad Bilal Ali (Ed.), *1st International Malaysian Educational Technology Convention* (pp. 1072-1080). Kuala Lumpur: Malaysian Educational Technology Association.
- Majidi, Abd al-Salam. (2000). *Talaqqi al-Nabi Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi Pelajar terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93-109.

- Mohd Isa Hamzah. (2007). *The Impact of Educational Change in Malaysian Smart Schools on Islamic Education Teachers and Students*. University of Warwick.
- Mustaffa Abdullah. (2009). Pengajian al-Qur'an di Era Globalisasi: Pengalaman di Malaysia. *Al-Bayan Journal of Quran and Hadith Studies*, 7. Diperoleh dari <http://www.albayanjournal.com/view/articles/45/html>
- Noor Jamaliah Ibrahim, Zaidi Razak, Mohd Yamani Idna Idris, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Noorzaily Mohamed Noor, Emran Mohd Tamil & Noor Naemah Abdul Rahman. (2013). Mobile Application of al-Quran and Arabic Language for Interactive and Self Learning Assistant for Support in j-QAF Learning: A Survey. Di dlm. Ahmad Munawar Ismail, Ab. Halim Tamuri, Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Kamarulzaman Abd. Ghani, Othman Loman, ... Mohd Izzuddin Mohd Pisol (Ed.), *Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF* (pp. 205-218). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Islam Hadhari.
- Norasikin Fabil, Zawawi Ismail, Zarina Shukur, Siti Fadzillah Mat Noor & Khairuddin Omar. (2005). Aplikasi Pendekatan *Talaqqi* dan *Musyafahah* dalam Pembangunan Perisian Multimedia Tajwid. *Al-Bayan Journal of Quran and Hadith Studies*, 3, 83-108.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseannah Abd. Rauf. (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 58-73.
- Nurfadilah Mohamad & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2013). Penguasaan Kemahiran Tilawah Al-Quran Menerusi Program j-QAF: Kajian Kes Di Melaka. Di dlm. Ahmad Munawar Ismail, Ab. Halim Tamuri, Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Kamarulzaman Abd. Ghani, Othman Loman, ... Mohd Izzuddin Mohd Pisol (Ed.), *Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF* (pp. 307-320). Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Islam Hadhari.



- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor & Zulkifli A. Manaf. (2011). Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran Bagi Golongan Dewasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5(Edisi Khas), 53-70.
- Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. (2000). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an (30) Juz*. Kuala Lumpur: DarulFikir.
- Suhadi. (2012). Integrasi Pembelajaran Keterampilan Berbahasa Arab dengan Penghafalan al-Qur'an di Madrasah Tsanawiyah Tahfid Yanbu-ul-Quran Menawan Kudus. *Jurnal Penelitian Islam Empirik*, 5(2), 214-262.
- Wan Mohd Hazim Wan Mohd Hashim. (2012). Al-Quran dan Talaqqi Musyafahah. *Makalah Dakwah*, 10.
- Wan Malini Wan Isa, Fadhilah Ahmad, Mat Atar Mat Amin, Mohd Sufian Mat Deris, Azilawati Rozaimie, Wan Mohd Rizhan Wan Idris & Suhailan Safei. (2010). Development and Innovation of Multimedia Courseware for Teaching and Learning of KAFA Subjects. In S. S. Mahmoud & Z. Lian (Eds.), *2nd International Conference on Computer Technology and Development* (pp. 100-104). China: Institute of Electrical and Electronics Engineers.
- Zaidi Razak, Noor Jamaliah Ibrahim, Mohd Yamani Idna Idris, Emran Mohd Tamil, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff & Noor Naemah Abdul Rahman. (2008). Quranic Verse Recitation Recognition Module for Support in j-QAF Learning: A Review. *International Journal of Computer Science and Network Security*, 8(8), 207-216.